



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

KENYATAAN BERHUBUNG ISU KENAIKAN TAMBANG E-HAILING

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) mengambil maklum dan memandang serius berhubung rungutan orang ramai baru-baru ini terhadap kenaikan tambang perkhidmatan pengangkutan awam e-hailing. Bagi menangani isu yang melibatkan kepentingan awam yang bergantung kepada perkhidmatan e-hailing dalam menjalani rutin kehidupan seharian, MOT dan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) telah bertemu dengan pengendali e-hailing (EHO) yang berkenaan.

Daripada perbincangan ini, difahamkan terdapat dua faktor utama yang menyumbang kepada lonjakan tambang e-hailing iaitu penawaran dan permintaan yang tidak seimbang serta kesesakan lalu lintas tinggi yang menyebabkan masa perjalanan lebih lama. Gabungan kedua-dua faktor ini telah menjejaskan kualiti perkhidmatan e-hailing.

Selain itu, beberapa syarikat e-hailing juga telah menunjukkan penurunan bilangan pemandu berdaftar sebanyak 30% berbanding sebelum COVID-19 melanda Malaysia. Kekurangan pemandu e-hailing ini secara tidak langsung menyebabkan masa menunggu kenderaan di beberapa tempat menjadi lebih lama daripada jangkaan.

Dalam masa sama, fasa peralihan ke endemik mulai 1 April 2022 lalu juga menyebabkan berlakunya peningkatan mendadak dalam permintaan perkhidmatan e-hailing. Tempoh yang sama juga menyaksikan pergerakan orang ramai dapat bergerak bebas bagi menjalankan aktiviti ekonomi dan kehidupan seharian seperti biasa sekali gus menyumbang kepada kesesakan lalu lintas berbanding peringkat awal wabak menular.

Faktor-faktor ini telah mempengaruhi formula pengiraan tambang yang digunakan oleh EHO merangkumi pelbagai faktor termasuk jarak perjalanan, aliran trafik, keadaan cuaca, serta penawaran dan permintaan pasaran. Ini semua mempengaruhi kenaikan tambang sejak kebelakangan ini.

Dari segi peraturan struktur tambang pula, terdapat dua caj iaitu tambang asas dan surcaj. Kerajaan tidak mengawal tambang asas dan surcaj tidak boleh melebihi dua kali ganda daripada tambang asas, dengan mengambil kira kadar waktu puncak dan harga bahan api. EHO dibenarkan untuk menetapkan struktur tambang mereka berdasarkan formula sendiri dan syarat perkhidmatan mereka dengan pengguna dalam pasaran terbuka.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

EHO yang berkenaan juga telah memberi jaminan kepada MOT untuk memperuntukkan lebih banyak sumber ke arah meningkatkan bilangan pemandu yang ada pada masa ini. Pada masa yang sama, Kerajaan juga akan terus memastikan lebih banyak EHO bersama-sama perkhidmatan teksi dan bas tersedia untuk menawarkan lebih banyak pilihan kepada pengguna.

Lebih 130,000 individu memegang lesen vokasional untuk bekerja sebagai pemandu e-hailing. Angka ini dijangka bertambah apabila Institut Pemandu dan EHO menerima lebih banyak calon untuk menjadi pemandu e-hailing bagi 21 EHO dengan lesen aktif di seluruh negara termasuk Lembah Klang.

Kerajaan menggesa semua EHO supaya meningkatkan saluran komunikasi mereka dengan pengguna. Kami akan terus memantau industri e-hailing untuk memastikan keadilan dan mengelakkan beban yang tidak wajar kepada pengguna.

STATEMENT ON E-HAILING FARE SURGES

The Ministry of Transport (MOT) acknowledges and sympathises with the public grievances towards the recent surges in e-hailing fares. To address this issue affecting many people that rely on e-hailing for their daily lives, the MOT and the Land Public Transport Agency (APAD) have met with the e-hailing operator (EHO) involved in the surge in fares recently.

From the discussion, it is clear that there are two main factors that had led to this surge in e-hailing fares namely a supply-and-demand imbalance and high traffic volume leading to longer travel times, and put together, these factors have affected the service quality of e-hailing.

Some e-hailing companies have seen their number of registered drivers drop by some 30% compared to before COVID-19 hit Malaysia. This lack of EH drivers has indirectly led to longer than expected wait times for a vehicle in some places.

We are now also witnessing a sudden increase in the demand for e-hailing services after the country has transitioned to endemic phase on 1 April 2022. The same period also saw a lot more economic activities compared to the height of the pandemic while daily life seems to have returned to some normalcy and expectedly, more traffic congestion as our fellow Malaysians are able to move about more freely.

These factors have had the most effect on the fare algorithms employed by the EHOs which account for many factors including distance, traffic volume, weather patterns, as well as market supply and demand. They all play a part in the increase in fares lately.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

In terms of fare structure regulation, there are two charges, the base fare and surcharge. The Government does not regulate the base fare and the surcharge cannot be more than two times the base fare, taking peak rates and fuel prices into account. The EHOs are permitted to set their fare structures based on their own formulae and their terms of service with their consumers in a free market.

The EHO concerned has also assured the MOT of allocating more resources towards increasing the number of driver currently available. At the same time, the Government has also continued to ensure that more EHOs along with taxis and buses are available to provide commuters with better last-mile connectivity and more choices.

More than 130,000 individuals hold vocational licenses to work as e-hailing drivers. This group is expected to grow as more driving schools and EHOs receive more candidates to become e-hailing drivers for 21 EHOs with active licenses nationwide including the Klang Valley.

The Government urges all EHOs to improve their communication channels with their consumers. We will continue to monitor the e-hailing industry to ensure fairness and prevent undue burden on consumers.

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
24 MEI 2022

-TAMAT-

Pertanyaan Media

Hotline 1800-88-7723

Faks +603 8892 0208

E-mel aduan@mof.gov.my

